

Kerajaan dukung prinsip bebas ekspresi karya

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan berte-gas tidak campur tangan dalam soal kreativiti penggiat karya anak-anak seni.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan kekal mendukung prinsip kebebasan berekspresi menerusi karya yang diketengahkan.

“Malam tadi (semalam) saya dan Azizah (Datin Seri Dr. Wan

Azizah Wan Ismail) berpeluang menonton tayangan khas filem *Sheriff: Narko Integriti* dalam program anjuran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) di GSC IOI Mall, Putrajaya.

“Saya terkesan tatkala filem ini menjadikan isu integriti, rasuah dan salah guna kuasa sebagai tema utama.

“Saya sambut baik usaha murni pihak pembikin filem ini yang menyambut ketegasan kerajaan dalam mendepani masalah ra-

suah dan kelemahan tatakelola,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Perdana Menteri juga kagum dengan mutu perfileman yang membanggakan dan yakin industri tempatan berupaya bersaing, tidak hanya di rantau ini malah di peringkat antarabangsa.

“Sekalung tahniah buat pasukan penyutradaraan, para pelakon, penerbit serta semua pihak yang terlibat dalam pembikinan filem *Sheriff: Narko Integriti*,”

katanya.

Terdahulu, Anwar bersama lebih 600 orang termasuk kenamaan dan anggota penguat kuasa menonton tayangan khas filem itu yang dianjurkan EAIC dengan kerjasama SKOP Productions dan Astro Shaws.

Sesi tayangan khas itu diserikan dengan kehadiran pelakon utama filem berkenaan iaitu Zul Ariffin, Datuk Aaron Aziz, Azira Shafinaz, Elizabeth Tan dan Kamal Affendi Hashim.



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan barisan pelakon filem *Sheriff: Narko Integriti* ketika hadir menonton tayangan khas filem itu di IOI City Mall, Putrajaya, malam semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA